



TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF

PENGERUSI

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

SEMPENA

PROGRAM BUAL BICARA BIL. 1/2019

Tarikh : 26 Februari 2019 (Selasa)

Masa : 9.00 pagi

**Tempat : Institut Pendidikan Guru
Kampus Darul Aman**

Terima kasih pengerusi majlis,

**YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib,
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran**

**YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris,
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran**

Yang Dihormati Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

**YBrs Encik Malek bin Abu Hasan
Ketua Sektor Pegurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah**

**YBrs Dr. Azizah binti Sarkowi
Ketua Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman (IPDA)**

**Pegawai-pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Anggota-
Anggota Perkhidmatan Pendidikan Negeri Kedah, Tuan-tuan dan
Puan-puan warga pendidikan yang dihormati**

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya kita dapat bersama-sama dalam Program Bual Bicara SPP bersama warga pendidikan di Negeri Kedah Darul Aman ini. Terima kasih kepada pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman kerana mengizinkan penggunaan Dewan Za'ba bagi melaksanakan program pagi ini. Saya dimaklumkan oleh urus setia, seramai 700 para guru dan pensyarah dijemput menghadiri program bual bicara SPP pagi ini dan jumlah kehadiran ini merupakan yang terbesar sejak program ini diadakan pada tahun 2017. Tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan warga Pendidikan Negeri Kedah yang dapat melapangkan masa menghadiri program pagi ini. Untuk makluman para hadirin, Program Bual Bicara ini diadakan sempena Program Bersepadu SPP dan serentak dengan itu juga diadakan konsultasi pengurusan tatatertib dan perkhidmatan yang berlangsung di Makmal ICT. Selain Kedah, beberapa negeri telah dikenalpasti oleh SPP bagi mengadakan

program seumpama ini sepanjang tahun 2019 iaitu di Sarawak, Kelantan dan Sabah.

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan sekalian,

2. Program Bual Bicara ini berkonsepkan turun padang yang dianjurkan bagi tujuan mendekati warga pendidik dengan menyampaikan pemerhatian mahupun pandangan Ahli-ahli Suruhanjaya bagi meningkatkan tadbir urus dan integriti warga pendidik dengan menyentuh isu-isu berhubung urusan perkhidmatan dan pengendalian kes-kes tatatertib. Selain itu, program kali ini juga memberi peluang kepada pendidik memperolehi tips-tips bagi meningkat/memperkukuh profesion keguruan berdasarkan pengalaman YBhg. Datuk Sufa'at bin Tumin, Ahli Suruhanjaya yang dianugerahkan Tokoh Kepimpinan Guru Kebangsaan Tahun 2017. Justeru itu, pemilihan tajuk untuk dibicarakan di program pada kali ini, "Peranan Ketua Jabatan Dalam Urusan Tatatertib dan Perkhidmatan serta Profesion Keguruan Dari Sisi Pandang Pengalaman Ahli

Suruhanjaya” merupakan rakaman pemerhatian Ahli-ahli Suruhanjaya yang meneliti, menimbang dan memutuskan kes-kes Tata tertib dan Perkhidmatan yang dibawa kepada SPP dari semasa ke semasa.

PROFESIONALISME KEGURUAN

3. Dalam Anjakan Ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM berhasrat untuk memartabatkan kerjaya guru dengan mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Terdapat keperluan mendesak untuk mempertingkatkan kualiti guru memandangkan satu kajian pada tahun 2011 mendapati bahawa hanya 50 peratus pengajaran telah disampaikan dengan berkesan. Mata pelajaran yang diajar lebih berfokus kepada pemahaman yang tidak mendalam dan tidak memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Ibarat guru mengajar subjek sejarah kepada murid sedangkan yang sepatutnya guru mengajar murid mengenai sejarah.

4. Bagi tujuan meningkatkan kualiti guru, syarat kemasukan yang ketat telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Lebih-lebih lagi skim perkhidmatan guru diperkukuhkan diperingkat SPP, calon guru perlu melepasi Ujian Psikometrik dan kriteria fizikal seperti penampilan serta kecekapan berfikir dan kemahiran pedagogi diutamakan semasa temuduga. Selain itu, para yang berada dalam sistem terus diberi sokongan agar mereka mencapai potensi diri sepenuhnya. Perkara ini dilaksanakan, diantaranya, melalui program Pembangunan Profesionalisme Berterusan atau *Continuous Professional Development (CPD)* dengan tumpuan diberikan ke atas keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah.

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan sekalian,

5. Namun di sebalik pelbagai program dan sokongan yang disediakan, pemerhatian Ahli-ahli Suruhanjaya menunjukkan masih terdapat kes-kes di mana guru mengkhianati amanah & etika perguruan. Kes-kes mencabul kehormatan, gangguan seksual,

memukul pelajar, menipu sijil-sijil cuti sakit dan penyalahgunaan dadah masih berlaku walau pun peratusannya mungkin tidak besar mana. Persoalannya ialah, apakah yang tidak kena dengan segelintir warga pendidik? Seketika nanti, Ahli Suruhanjaya akan berkongsi pengalaman dengan tuan/puan sekalian berkaitan isu profesionalisme guru.

6. Selain isu-isu disiplin dan keterampilan guru, SPP juga dari semasa ke semasa dihadapkan dengan urusan-urusan atau kes kelewatan pengesahan lantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf tetap dan berpencen serta hal-hal perkhidmatan yang lainnya. Sayugia diingatkan kepada tuan/puan selaku Ketua Jabatan atau Pentadbir sekolah supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan sama ada dalam Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perkhidmatan mahu pun Pekeliling SPP. Peraturan 3C, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dengan jelas menggariskan Ketua Jabatan yang gagal mengawal dan mengawasi

pegawai bawahannya adalah dianggap cuai dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

7. Kebanyakan Ketua Jabatan beranggapan urusan-urusan Perkhidmatan adalah merupakan perkara remeh dan tidak memberi keutamaan. Saya ingin tegaskan urusan ini wajib dilaksanakan dengan sempurna agar tuan/puan warga pendidik sekalian dan waris tidak kerugian setelah tiba masanya untuk meninggalkan perkhidmatan kerana persaraan, kesihatan atau pun kematian. InshaAllah, Perkara ini akan disentuh dan dikupas oleh Dr. Masnah binti Ali Muda, Ahli Suruhanjaya sebentar nanti.

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan sekalian,

8. Salah satu aspek yang menjadi keutamaan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada hari ini adalah untuk 'memperkasa perkhidmatan awam'. Ia secara langsung melibatkan sektor Perkhidmatan Pelajaran selaku tunjang atau tulang belakang bagi pembinaan warganegara yang dinamis dan berdaya saing. Justeru itu, menjadi

tanggungjawab tuan/puan warga pendidik sekalian supaya menjalankan tanggungjawab dengan profesional, tanpa tekanan atau ancaman.

9. Akhir kata, menjadi harapan pihak SPP, selaku penganjur, agar tuan/puan memanfaatkan peluang yang terhidang ini untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman agar sektor pendidikan yang sama-sama kita ceburi ini, terus mewangi dan mengharum dan berterusan mengeluarkan warganegara yang berdaya tahan, berdaya saing dan berguna kepada bangsa, agama dan tanah air.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum waramatullahiwabarakatuh.